

20 NOV 1996

BAYARAN MASUK PUSAT SAINS NEGARA PALING MURAH, KATA LAW

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Bayaran masuk ke Pusat Sains Negara di Bukit Jalil dekat sini, yang ditetapkan RM6 untuk orang dewasa dan RM3 bagi kanak-kanak, dianggap paling murah di rantau ini, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding hari ini.

Law berkata Pusat Sains Negara Singapura mengenakan bayaran masuk RM32.40 (S\$18) bagi orang dewasa dan RM13.50 (S\$7.50) bagi kanak-kanak.

"Kadar bayaran yang rendah itu bertujuan untuk memupuk minat di kalangan kanak-kanak dan orang dewasa supaya lebih berminat kepada sains dan teknologi," katanya kepada pemberita di pejabatnya hari ini.

Pusat Sains Negara bernilai RM100 juta itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 29 November ini. Ia akan dibuka kepada orang ramai mulai 2 Disember.

Law berkata bayaran masuk bagi kategori kumpulan pelajar sekolah menengah termasuk guru ialah RM3 seorang sementara bagi sekolah rendah RM2. Kumpulan 10 orang dewasa dan lebih pula ditetapkan RM5 seorang.

Beliau berkata pihak swasta atau orang perseorangan digalakkan untuk mengadakan pameran dan aktiviti sains di pusat tersebut.-- BERNAMA

RAM OBA